

<b>Headline</b>	<b>FRIM Inc diingatkan tidak tersasar daripada perniagaan teras</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>03 Feb 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>
<b>Page No</b>	<b>2</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>169 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,883</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 8,648</b>



## FRIM Inc diingatkan tidak tersasar daripada perniagaan teras

KUALA LUMPUR - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengingatkan FRIM Incorporated (FRIM Inc) yang dirasmikan semalam, supaya tidak tersasar daripada perniagaan teras.

Beliau berkata, pengurusan anaksyarikat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu tidak seharusnya memikirkan kepentingan peribadi dengan mewujudkan pelbagai cabang pelaburan bagi meraih keuntungan.

"Jangan *over-diversified* di luar perniagaan teras, tetapi fokus dalam bidang kita. Saya tidak mahu akhirnya FRIM Inc

**INFO**

- Minta jangan over-diversified
- Fokus dalam bidang teras

tubuhkan hotel atau beli hotel di luar negara walaupun patut juga hasil hutan.

"Saya tak sebut mana-mana organisasi tetapi jangan jadi begitu. Inilah masalah apabila orang besar ada sifat tamak haloba untuk menjaga kepentingan peribadi," katanya ketika merasmikan FRIM Inc di sini.

Turut hadir, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri

Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang juga Penggerusi FRIM, Datuk Seri Azizan Ahmad dan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Menurutnya, penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan FRIM serta FRIM Inc perlu diterjemahkan dalam usaha meraih pendapatan.

Beliau juga berharap Kementerian Kewangan tidak meletakkan hasil pendapatan FRIM Inc ke dalam Akaun Yang Disatukan, bagi membolehkan syarikat itu menjalankan aktiviti sendiri.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, kerajaan komited memperluas kawasan hijau di negara ini dengan tanaman hutan termasuk spesies hampir pupus.

Pada majlis itu, Azizan turut mengumumkan nama dua spesies tumbuhan bukit batu kapur yang masing-masing dinamakan bersempena nama Ahmad Zahid dan Wan Junaidi iaitu 'Gymnostachyum ahmadzahidianum' daripada keluarga tumbuhan Belalai Gajah yang dijumpai di Kelantan dan 'Impatiens feonajunaidiana' daripada keluarga tumbuhan Keembong yang ditemui di Perlis.

- Bernama